



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
PEJABAT PENGARAH NEGERI PERAK
MENARA HASIL
NO. 128, JALAN TAMBUN
PETI SURAT 250
30906 IPOH

Telefon : 05-5407888
Faks : 05-5465471

Homepage LHDNM : <http://www.hasil.gov.my>

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : LHDNM.PN.A/193/21
Tarikh : 12 Mei 2015

Mr Chak Kong Keong
Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
Syarikat Chak Sdn. Bhd.
72 Jalan Market
30000 Ipoh

Tuan,

JEMPUTAN MENGHADIRI DIALOG ISU-ISU OPERASI DAN TEKNIKAL DI ANTARA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM) DENGAN PERSATUAN AKAUNTAN DAN PERSATUAN AKAUNTAN PERCUKAIAN PERINGKAT NEGERI PERAK 2015

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) Perak akan menganjurkan program dialog isu-isu operasi dan teknikal seperti butiran berikut :-

Tarikh : 04 Jun 2015 (Khamis)
Masa : 09.00 pagi – 12.30 tengah hari
Tempat : Dewan Hasil Tingkat 8
Menara Hasil Ipoh
Atur Cara : Lampiran A

3. Sebagai makluman, objektif program dialog pada kali ini akan antara lain memberi fokus dalam mencapai kesepakatan dan penyelesaian kepada isu-isu atau permasalahan berkaitan operasi dan teknikal percukaian yang dihadapi oleh kedua-dua pihak memandangkan kerjasama daripada persatuan melalui perkongsian pintar atau *Smart Partnership* adalah diperlukan dalam membantu meningkatkan tahap pematuhan di kalangan pembayar cukai.

4. Sehubungan dengan itu, tuan adalah dijemput untuk menghadiri program dialog ini. Bagi memudahkan urusan pentadbiran, mohon kerjasama pihak tuan untuk kemukakan perkara-perkara berikut selewat-lewatnya pada atau sebelum **18 Mei 2015 (Isnin)**.

- (i) Lampiran B – Borang Pengesahan Kehadiran; dan
- (ii) Lampiran C – Borang Isu-isu Operasi dan Teknikal

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, mohon berhubung dengan pihak urus setia seperti berikut :-

- (i) Puan Ting Suk Tin : 019-276 3049 / ting.suk.tin@hasil.gov.my / samb. 52212
- (ii) Puan Nurul Haida Mohd Saad : 05-540 7870 / nurulhaida@hasil.gov.my / samb. 52716
- (iii) Puan Saliza Che Ya : 05-540 7873 / samb. 52735
- (iv) Encik Mohd Azri Ahmad : 05-540 7888 samb. 52721

6. Kerjasama dan perhatian tuan sewajarnya dalam menjayakan program ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"BERSAMA MEMBANGUN NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



[TING SUK TIN]

Pengarah Bahagian Penyelarasan

Pejabat Pengarah Negeri Perak

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia